

13/12/1997

Dr M, Anwar dipelawa bercuti di Sarawak

KUCHING, Jumaat - Selaras dengan usaha kerajaan menggalakkan pelancongan dalam negeri, Kerajaan Sarawak mengundang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, bercuti di negeri itu.

Menteri Pelancongan Negeri, Dr James Jemut Masing, hari ini berkata surat jemputan telah dikirim kepada kedua-dua pemimpin itu tiga hari lalu.

"Surat jemputan serupa akan dikirim kepada menteri-menteri Kabinet lain," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar Akta Perindustrian Pelancongan, di sini hari ini.

Masing berkata, menteri yang berminat akan diberikan pakej menarik, antaranya pakej tiga hari dua malam meliputi tiket penerbangan serta penginapan hotel lima bintang dengan harga RM333.

Beliau memberi jaminan sekiranya ada menteri berminat, mereka akan bercuti di Sarawak bebas daripada sebarang gangguan mana-mana pihak.

Masing yang juga Pengerusi Jawatankuasa Penempatan Semula dan Sosio Ekonomi Bakun berkata, tarikh pemindahan penduduk di daerah Belaga yang terbabit dengan projek hidroelektrik di situ, akan dikaji semula.

Beliau berkata, kajian semula mula dijalankan memandangkan penangguhan pembinaan projek empangan elektrik Bakun menyebabkan kawasan kediaman mereka tidak ditenggelami air pada Januari ini.

Bagaimanapun katanya, semua Orang Ulu yang terbabit dalam projek itu tetap akan dipindahkan ke penempatan baru yang akan disediakan yang dijangka bermula Januari ini. - Bernama

(END)